

# TPM minta usah ungkit punca tragedi 13 Mei

UBH - 15/5/2007

## Suruhanjaya kaji rusuhan kaum di Malaysia tidak perlu

Oleh Anwar Hussin  
dan Norliza Ahmad

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak meminta semua pihak tidak membangkitkan kisah sedih dan mempertikaikan punca tragedi 13 Mei 1969, sebaliknya memandang ke depan untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian kaum.

Timbalan Perdana Menteri berkata, rusuhan kaum ketika itu adalah episod menyedihkan dalam sejarah negara dan tidak perlu untuk kerajaan membongkar kembali kejadian itu.

"Kerajaan tidak menubuhkan suruhanjaya bagi mencari punca tragedi rusuhan kaum paling buruk dalam sejarah 50 tahun negara, tetapi belajar daripada pengalaman itu bagi menyatukan rakyat.

"Kita sudah belajar daripada ke-

jadiannya 13 Mei dan harus memandang ke depan dan bukannya membuka kembali cerita sedih itu. Kerajaan mengetahui punca sebenar tragedi itu," katanya selepas merasmikan majlis Anugerah Biasiswa 2006 dan Pelancaran Ikon Tanggungjawab Sosial Korporat Telekom Malaysia Bhd (TM), di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Suara Rakyat Malaysia (Suaram) supaya kerajaan menubuhkan suruhanjaya mencari punca kejadian atas alasan perpaduan kaum pada masa depan.

Suaram mengemukakan cadangan itu berdasarkan kandungan buku berjudul *May 13: Declassified Documents on the Malaysian Riot of 1969* yang ditulis ahli sosiologi, Dr Kua Kia Soong.

Dr Kua mendakwa punca rusuhan bukan daripada keganasan kaum seperti digambarkan selama ini, se-

baliknya akibat percubaan golongan pelampau dalam Umno yang mahu menggulingkan pemerintahan Tunku Abdul Rahman Putra ketika itu.

Beliau mendakwa mengambil cuti tiga bulan bagi mengkaji dan meneliti rekod serta dokumen di Pejabat Rekod Awam London mengenai tragedi itu.

Mengenai tindakan pembangkang yang mahu dua Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana mengeluarkan kenyataan didakwa menjejas dan memalukan wanita, Najib berkata, perkara seperti itu tidak sepatutnya dipandang serius kerana ia sekadar gurauan.

Bagaimanapun, katanya, beliau menyerahkan kepada Parlimen bagi menyelesaikan perkara itu.

Rabu lalu, pembangkang mengemukakan usul tergepar di Dewan Rakyat supaya tindakan diambil me-

nerusi jawatankuasa berkenaan terhadap Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) dan Datuk Mohd Saïd Yusof (BN-Jasin).

Mereka dikatakan mengeluarkan kenyataan terhadap Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) iaitu 'Batu Gajah pun tiap-tiap bulan pun bocor juga'.

Kenyataan Bung Mokhtar dibuat ketika Chong Chieng Jen (DAP-Bandar Kuching) mengemukakan usul tergepar berikutan kebocoran siling di Parlimen.

'Kejadian siling bocor itu cuba dieksplotasi pembangkang dengan mengemukakan usul tergepar sehingga mencetus pertikaman lidah dengan penyokong kerajaan.

Bagaimanapun, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Ramli Ngah Talib, menolak usul itu berdasarkan Peraturan Mesyuarat 26(1P) yang menghendaki usul dikemukakan ketika kejadian.